

Headline	Ambank sumbang RM104,000 bantu 50 keluarga miskin		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	03 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	N5	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	208 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,657
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,972



# Ambank sumbang RM104,000 bantu 50 keluarga miskin

**Georgetown:** Kumpulan Ambank Berhad (Ambank) menyumbang RM104,000 kepada 50 keluarga miskin di Pulau Pinang, menerusi Program Komuniti AmBank-MyKasih yang diadakan di pasar raya besar Giant di Bayan Baru, di sini, kelmarin.

Melalui program itu, Ambank menyediakan elaun RM20 seminggu selama setahun kepada setiap keluarga untuk membantu mereka membeli pelbagai barangan makanan.

Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim, berkata program berkenaan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya dalam membantu golongan kurang berkemampuan.

## RM1 juta diperuntukkan

Sebanyak RM1 juta diperuntukkan Kumpulan Ambank setahun untuk program itu di 13 lokasi seluruh Malaysia.

“Kami bekerjasama dengan pasar raya besar Giant dalam program ini dengan setiap keluarga boleh membeli barang keperluan dapur dengan menggunakan kredit yang dimasukkan ke dalam MyKad masing-masing,” katanya selepas melancarkan Program Komuniti AmBank-MyKasih.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Yayasan MyKasih, Jeffrey Perera.

Azman berkata, pihaknya turut mengadakan program

bijak kewangan bersama keluarga peserta, yang dikendalikan oleh ahli sukarela Ambank dan MyKasih.

Menerusi program itu, peserta akan didedahkan mengenai pengurusan kewangan bagi membantu mereka mempelajari cara yang perlu dilakukan apabila menghadapi masa mencabar.

“Sebagai sebuah institusi kewangan, kami juga memainkan peranan dalam pembangunan komuniti dan tanggungjawab membantu golongan memerlukan ini akan diteruskan,” katanya.

Sementara itu, penerima meluahkan rasa gembira dan bersyukur atas sumbangan yang diberikan Ambank.

Hamdan Razali, 41, berkata meskipun jumlah yang diberikan tidak seberapa, ia dapat membantu mengurangkan bebannya dalam menyediakan keperluan harian keluarga.

“  
Sebanyak  
RM1 juta  
diperuntukkan  
Kumpulan  
Ambank  
setahun untuk  
program itu di  
13 lokasi seluruh  
Malaysia”

**Azman Hashim,**  
Pengerusi Kumpulan  
AmBank



Azman (tiga dari kiri) meninjau gambar grafik Azman Hashim-USM Sports Arena di Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah USM.

[ FOTO DANIAL SAAD / BH ]